


[Bil. KK/BP (8.01) 735/13-9/(32).]



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 1992

PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT
MENGENAI SKIM PEMBIAYAAN
KOMPUTER BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

1. **Tujuan**

1.1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menetapkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan Skim Pembiayaan Komputer yang ditawarkan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

2. **Kelayakan**

2.1. Skim pembiayaan ini hanya ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan hanya diberikan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan anggota. Anggota yang bertaraf sementara, kontrak dan sambilan tidak layak untuk dipertimbangkan.

3. **Tafsiran**

3.1. Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

“anggota” bererti Pegawai/Kakitangan Perkhidmatan Awam.

“membeli/pembelian komputer” bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer.

“harga belian” bererti jumlah kos bagi komputer yang akan dibeli oleh Kerajaan melalui bayaran seperti berikut:

- (i) amaun pembiayaan Kerajaan yang diluluskan kepada anggota;
- (ii) bayaran muka yang ditanggung oleh anggota jika harga komputer melebihi kelayakan anggota.

“amaun pembiayaan Kerajaan” bererti jumlah yang dibiayai oleh Kerajaan berdasarkan kepada kelayakan anggota.

“bayaran muka” bererti amaun perbezaan di antara harga belian dengan amaun pembiayaan Kerajaan.

“harga jualan” bererti jumlah sebenar yang akan dibayar oleh anggota seperti berikut:

- (i) bayaran muka yang ditanggung oleh anggota jika harga komputer melebihi kelayakan anggota;
- (ii) amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan.

“keuntungan” bererti satu kadar keuntungan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

4. Kuasa Meluluskan Permohonan

4.1. Kuasa untuk meluluskan pembiayaan komputer kepada anggota perkhidmatan awam yang memenuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini adalah diberi kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal yang disenaraikan dalam Anggaran Belanjawan Tahunan. Jika perlu Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai-Pegawai Pengawal bolehlah mewakili kuasa itu secara bertulis kepada seorang Pegawai Kanan dan Perbendaharaan hendaklah diberitahu mengenainya.

4.2. Permohonan-permohonan dari Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan.

5. Peraturan Mengemukakan Permohonan

5.1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan dalam borang permohonan yang ditetapkan sebanyak 5 salinan. Selepas permohonan diluluskan, surat perjanjian hendaklah disempurnakan dan disetemkan secukupnya. Salinan borang permohonan dan 5 salinan surat perjanjian yang telah disempurnakan hendaklah diedarkan seperti berikut:

- (a) salinan asal dan salinan kedua borang permohonan dan surat perjanjian hendaklah dikembalikan kepada baucar bayaran dan dikemukakan kepada pejabat pembayar;
- (b) salinan ketiga borang permohonan dan surat perjanjian hendaklah disimpan oleh Kementerian/Jabatan yang meluluskan permohonan itu;
- (c) salinan keempat borang permohonan dan surat perjanjian adalah untuk kegunaan Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan bayaran pembiayaan komputer melalui potongan gaji bulanan; dan

(d) salinan kelima borang permohonan dan surat perjanjian hendaklah disimpan dalam fail peribadi anggota perkhidmatan Awam.

5.2. Permohonan hendaklah disertakan dengan sebutharga yang menyenaraikan perkakasan dan perisian yang disertakan bersama pembelian komputer.

5.3. Borang permohonan pembiayaan komputer (Kew. 317) dan surat perjanjian (Kew. 318) adalah seperti di Lampiran "A" dan "B".

5.4. Surat perjanjian pembiayaan komputer adalah dikehendaki disetem secukupnya *berdasarkan kepada amaun pembiayaan Kerajaan* seperti berikut:

Amaun	Bayaran Setem
Bagi tiap-tiap \$500.00 atau sebahagian darinya	\$2.50

6. Syarat-syarat Pembiayaan

6.1. Jumlah potongan bulanan untuk pembelian komputer berkenaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada *gaji pokok* anggota dan jumlah semua potongan gajinya hendaklah tidak melebihi 60% dari jumlah gaji pokok serta elaun-elaun.

6.2. Pembiayaan hendaklah dijamin oleh ^{Dilantik oleh S.P. Perb. Bil. 3/93} seorang anggota tetap yang berada dalam Kumpulan Perkhidmatan yang sama atau kumpulan yang lebih tinggi.

6.3. Jika anggota ingin menukar konfigurasi komputer yang hendak dibeli, anggota hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang meluluskan pembiayaan. Salinan kelulusan tersebut hendaklah disertakan bersama baucar dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau Pejabat Pembayar yang berkenaan.

7. Amaun Pembiayaan Maksimum

7.1. Amaun pembiayaan maksimum yang boleh diberi kepada seseorang anggota ialah sebanyak \$5,000.00 dan akan dikira kepada angka ratusan yang terdekat.

7.2. Amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli sebuah komputer baru termasuk aksesori atau untuk tujuan peningkatan komputer.

7.3. Sekiranya harga belian komputer tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan maksimum, anggota hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran muka. Bayaran muka ini akan dianggap telah dijelaskan di dalam perkiraan bayaran balik.

8. Kadar Pembayaran Balik

8.1. Harga jualan, setelah ditolak bayaran muka, hendaklah dibayar balik oleh anggota secara ansuran dan melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan. Kadar pembayaran ansuran tersebut ditentukan oleh Kerajaan mengikut perkiraan di Lampiran "D".

9. Tempoh Pembayaran Balik

9.1. Tempoh bayaran balik adalah tidak melebihi 48 bulan.

9.2. Bayaran balik hendaklah diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh yang dipersetujui atau dalam kes tertentu di mana seseorang anggota berada dalam kesempitan ('Asarah) seperti mengalami kebakaran atau banjir, Perbendaharaan boleh atas budibicaranya membenarkan mereka membayar balik pembiayaan itu dengan cara dan tempoh yang ditentukan.

9.3. Baki harga jualan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan di atas. Dalam hal yang demikian Perbendaharaan atas budibicaranya boleh memberikan "Muqassah" (Rebate) mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara dari masa ke semasa.

9.4. Baki harga jualan hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum anggota bersara atau meninggalkan perkhidmatan. Dengan yang demikian tempoh maksimum pembiayaan hendaklah tidak melebihi baki tempoh perkhidmatan anggota dengan Kerajaan.

9.5. Baki harga jualan bagi anggota yang meninggal dunia boleh diselesaikan oleh waris si mati secara sekaligus atau dituntut daripada penjamin.

9.6. Baki harga jualan anggota yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan hendaklah diselesaikan secara sekaligus sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan atau dituntut daripada penjamin sekiranya anggota tidak dapat dikesan.

9.7. Selagi anggota masih berkhidmat dengan Kerajaan, bayaran ansuran bulanan hendaklah dibuat dengan cara potongan bulanan daripada gaji anggota. Ketua Jabatan adalah diberi kuasa untuk membuat potongan sekaligus semua ansuran yang tertunggak daripada gaji anggota berkenaan.

9.8. Ketua Jabatan adalah diberikuasa untuk memberi penangguhan bayaran ansuran bulanan pembiayaan komputer kepada anggota yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Kerajaan. Dalam hal demikian tempoh bayaran balik hendaklah dijadualkan semula tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan bagi tempoh berkenaan.

10. Format Kelulusan Yang Seragam

10.1. Semua Kementerian dan Jabatan yang diberi kuasa meluluskan pembiayaan pembelian komputer adalah dikehendaki mengeluarkan surat kelulusan dan tawaran pembiayaan komputer seperti di Lampiran "C" selepas permohonan diluluskan. Setelah anggota menerima tawaran tersebut, anggota akan diberikan surat perlantikan sebagai wakil Kerajaan dan pada masa yang sama menyampaikan cek untuk menguruskan pembelian komputer bagi pihak Kerajaan. Format surat ini adalah seperti di Lampiran "E".

11. Cara-cara Mengaun Pembiayaan

11.1. Berikut adalah peraturan-peraturan bagi menguruskan akaun pembiayaan komputer:

- (i) Pembiayaan yang dibayar dalam sesuatu bulan dianggap sebagai diberi pada akhir bulan tersebut dan bayaran balik hendaklah dimulai dengan potongan dari gaji tidak lewat dari 2 bulan berikutnya. Sebagai contoh bagi cek pembiayaan yang dikeluarkan pada bulan Januari potongan hendaklah bermula dari gaji bulan Mac. Potongan dari gaji akan dianggap sebagai dibuat dan dimasukkan ke dalam kumpulan wang pendahuluan komputer pada hujung bulan dalam mana potongan ini dibuat;
- (ii) Semua pembiayaan akan diakaun ke dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer Persekutuan;
- (iii) Jumlah keuntungan hendaklah dikreditkan pada mulanya ke dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer yang berkenaan dan kemudiannya dipindahkan kepada hasil pada 31 Disember tiap-tiap tahun atau menurut yang diarahkan oleh Akauntan Negara Malaysia atau Pegawai-pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan;
- (iv) Anggota adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran jika potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat;
- (v) Jika anggota itu bertukar dari Jabatan Negeri ke Jabatan Persekutuan, sijil gaji akhirnya hendaklah menyatakan butir-butir mengenai baki yang belum selesai dan amaun bayaran balik yang dikenakan tiap-tiap bulan. Baki pembiayaan yang belum diselesaikan itu hendaklah dijelaskan oleh Jabatan Persekutuan kepada Jabatan Negeri melalui kumpulan wang pendahuluan komputer Persekutuan dan anggota berkenaan kemudiannya hendaklah menjelaskan baki harga jualan itu kepada Jabatan Persekutuan berkenaan;
- (vi) Jika anggota itu ditukarkan dari Jabatan Persekutuan ke Jabatan Negeri, sijil gaji akhirnya hendaklah menyatakan butir-butir mengenai baki pembiayaan yang belum selesai dan amaun bayaran balik yang dikenakan tiap-tiap bulan. Baki pembiayaannya hendaklah dibayar kepada Jabatan Persekutuan oleh Jabatan Negeri melalui kumpulan wang pendahuluan komputer Negeri berkenaan dan kemudiannya anggota hendaklah membayar baki harga jualan itu kepada Jabatan Negeri tersebut;
- (vii) Jika seseorang anggota Persekutuan itu bertukar dari satu Jabatan Negeri ke Jabatan Negeri yang lain sijil gaji akhirnya hendaklah menyatakan butir-butir mengenai baki pembiayaan yang belum selesai dan amaun bayaran balik yang dikenakan tiap-tiap bulan. Baki pembiayaan hendaklah diselesaikan oleh Jabatan Negeri yang ia baru ditukarkan itu dan kemudiannya anggota itu hendaklah membayar baki harga jualan itu kepada Jabatan Negeri berkenaan; dan

- (viii) Peraturan-peraturan di atas hendaklah juga dipakai apabila anggota ditukar dan dipinjamkan dari Perkhidmatan Persekutuan, Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dan sebaliknya.

11.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan semua Pejabat Pembayar hendaklah mengemukakan kepada Perbendaharaan suatu penyata mengenai semua kes ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer yang tertunggak selama 3 bulan pada 30 Jun dan pada 31hb Disember setiap tahun dalam tempoh satu bulan dari tarikh-tarikh tersebut.

11.3. Jabatan yang membayar gaji anggota adalah bertanggungjawab untuk mengutip balik ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer. Anggota yang telah menerima pembiayaan juga sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan bayaran balik dilakukan menurut peraturan yang telah ditetapkan.

11.4. Cara-cara yang lebih teliti mengenai pengakaunan pembiayaan komputer adalah menurut arahan-arahan yang berasingan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

11.5. Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya mengambil tindakan yang perlu untuk mendapatkan bayaran balik menerusi potongan gaji anggota atau mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan kepada perjanjian pembiayaan komputer yang berkenaan.

11.6. Nombor rujukan akaun hendaklah dicatatkan di dalam kesemua penyata perubahan gaji. Apabila seseorang anggota itu bertukar pejabat sijil gaji akhirnya hendaklah menyatakan butir-butir berikut:

- (a) jumlah pembiayaan yang dluluskan;
- (b) tempoh bayaran balik;
- (c) tarikh mula potongan dibuat;
- (d) baki pembiayaan yang belum selesai;
- (e) amaun bayaran balik tiap-tiap bulan; dan

Untuk tujuan ini Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Pejabat-pejabat Pembayar bolehlah menahan sijil gaji akhir anggota yang bertukar di mana masih ada tunggakan ansuran yang belum diselesaikan.

12. Peraturan-peraturan Selepas Kelulusan

12.1. Cek pembayaran akan dikeluarkan atas nama anggota. Walau bagaimanapun anggota berkenaan adalah dilantik untuk mewakili Kerajaan di dalam urusan pembelian komputer daripada penjual.

12.2. Seseorang anggota yang mendapat pembiayaan membeli komputer atau peningkatan komputer hendaklah menyerahkan resit, inbois bagi komputer yang dibelinya itu kepada pegawai yang meluluskan permohonannya dalam tempoh 30 hari selepas cek bayaran diterima. Sekiranya anggota itu gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka

pembiayaan itu dianggap sebagai terbatal. Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk mendapatkan kembali kesemua jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dan amaun keuntungan Kerajaan bagi tempoh berkenaan secara sekaligus. Gaji dan elaun-elaun anggota berkenaan hendaklah tidak dibayar sehingga kesemua jumlah pembiayaan dan keuntungan itu dijelaskan.

12.3. Jika pembiayaan komputer dibatalkan atas sebab-sebab selain daripada di para 12.2. termasuk pembatalan pembiayaan di atas pilihan sendiri, Ketua Jabatan juga hendaklah mendapatkan bayaran baki harga jualan komputer yang telah diluluskan dengan cara sekaligus. Gaji dan elaun anggota berkenaan hendaklah tidak dibayar sehingga kesemua jumlah pembiayaan dan keuntungan itu dijelaskan.

12.4. Sebuah buku daftar pembiayaan pembelian komputer mengenai semua pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah diselenggarakan oleh Ketua Jabatan. Buku itu hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- (a) tarikh pembiayaan diluluskan;
- (b) jumlah pembiayaan;
- (c) tarikh cek pembiayaan diterima di pejabat anggota;
- (d) tarikh cek pembiayaan diterima oleh anggota;
- (e) nombor dan tarikh baucar pembayaran pembiayaan dan cek;
- (f) nombor tarikh resit pembelian;
- (g) nombor dan tarikh invois pembelian;
- (h) jumlah tempoh bayaran balik;
- (i) tarikh ansuran pertama bayaran balik pembiayaan dimulakan; dan

12.5. Salinan-salinan fotostat bagi resit pembelian dan invois hendaklah disimpan dalam fail peribadi anggota yang mendapat pembiayaan.

12.6. Pembiayaan ini direkodkan dalam buku perkhidmatan anggota.

13. Tindakan Surcaj dan Tatatertib

13.1. Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan Persekutuan adalah bertanggungjawab memastikan bahawa peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas dan arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari masa kesemasa mengenai pembiayaan membeli komputer diikuti sepenuhnya. Kegagalan mematuhi peraturan dan arahan-arahan tersebut boleh mengakibatkan anggota yang bertanggungjawab memproses/meluluskan/mengurus permohonan pembiayaan komputer dikenakan surcaj atau tindakan tatatertib.

13.2. Tindakan surcaj atau tindakan tatatertib akan juga dikenakan ke atas anggota yang mendapat pembiayaan sekiranya anggota itu juga telah menyebabkan pelanggaran mana-mana syarat dan peraturan Pekeliling ini.

14. Am

14.1. Pekeliling ini hendaklah dipakai oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

14.2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.



TAN SRI DATO' MOHD. SHERIFF BIN MOHD. KASSIM,
Ketua Setiausaha ~~Perbendaharaan~~,
Perbendaharaan Malaysia,
Kuala Lumpur

17 Jun 1992.

KERAJAAN MALAYSIA

**PERMOHONAN PEMBIAYAAN KOMPUTER BAGI
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

(Diisi sebanyak 5 salinan)

BAHAGIAN I: (Diisi oleh Pemohon)

1. Nama Penuh (Huruf Besar).....
2. Nombor Kad Pengenalan.....
3. (i) Tarikh Lahir..... (ii) Umur pada Tarikh Memohon.....
4. (i) Gelaran Jawatan Sekarang
- (ii) Kumpulan Perkhidmatan
- (iii) Gred Pegawai
5. (i) Kementerian.....
- (ii) Jabatan
- (iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas
-
6. (i) Tarikh Pengesahan dalam Perkhidmatan
7. (i) Gaji pokok \$.....
- (ii) Jumlah elaun-elaun \$.....
- (iii) Jumlah potongan \$..... (sertakan slip gaji terakhir)
8. Harga komputer yang hendak dibeli (sertakan sebutharga yang mengandungi butir-butir perkakasan/perisian).....
9. Banyak pembiayaan yang diminta..... (Ringgit.....
.....).
10. Tempoh Pembayaran..... Bulan.
11. Borang AK 1 yang telah dipenuhi dikembalikan bersama-sama ini.

Tarikh.....

.....
Tandatangan Pemohon

BAHAGIAN II: (Diisi oleh Penjamin)

Penjamin

.....
(Nama)

No. Kad Pengenalan..... Tarikh Lahir.....

Kementerian

Jabatan

Alamat Penuh Tempat Kerja

.....

Jawatan..... Tarikh Disahkan dalam jawatan.....

Gaji Bersih Bulanan

Tarikh.....
.....
Tandatangan

BAHAGIAN III: (Diisi oleh Ketua Jabatan/Bahagian semasa mengemukakan permohonan)

Kepada..... Rujukan.....

.....

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar.

- (i) Saya telah semak buku perkhidmatannya dan mendapati beliau belum pernah diluluskan kemudahan ini.
- * (ii) Saya berpuas hati bahawa pembayaran balik pembiayaan ini tidak akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
- * (iii) Saya tidak berpuas hati terhadap kedudukan kewangan pemohon di mana pembayaran balik pembiayaan akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.

Tarikh.....
.....
Tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian

Nama Penuh.....

Jawatan.....

BAHAGIAN IV: (Diisi oleh Pegawai yang meluluskan pembiayaan)

Kepada..... Rujukan.....
.....
.....

(a) * Pembiayaan sebanyak \$..... diluluskan dengan bayaran
balik sebanyak..... selama..... bulan.....

(b) * Pembiayaan tidak diluluskan.

Tarikh.....
.....
Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan
Nama Penuh.....
Jawatan.....

BAHAGIAN V: (Untuk kegunaan Jabatan Akauntan Negara/Pejabat Pembayar).

1. No. Akaun.....
2. No. Baucar.....
3. Tarikh Baucar.....
4. No. Cek.....
5. Tarikh Cek.....

* Potong yang mana tidak berkenaan

LAMPIRAN B
(Kew. 318)

**PERJANJIAN UNTUK SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER
BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

PERJANJIAN INI DIPERBUAT pada..... haribulan.....19.....
di antara KERAJAAN MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut "Kerajaan")
sebagai pihak pertama

DAN

(K/P No.....) yang beralamat di

.....

(kemudian daripada ini disebut "pembeli") dan

..... (K/P No.) yang beralamat di

.....

(kemudian daripada ini disebut "penjamin") sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA pembeli telah memohon untuk membeli komputer di bawah Skim Pembiayaan Pembelian Komputer sebagaimana diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 (kemudian daripada ini disebut "skim tersebut") dan Kerajaan telah meluluskan permohonan oleh pembeli tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut:

1. Dengan mengikut skim tersebut Kerajaan di atas permohonan pembeli, telah membeli komputer pada harga belian sebanyak..... yang disebutkan di bawah seksyen 2 dalam Jadual Pertama.
2. Kerajaan hendaklah menjual dan pembeli hendaklah membeli komputer tersebut pada harga jualan dan bayaran purata ansuran bulanan yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak iaitu sebagaimana yang disebutkan di dalam Jadual Kedua, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam skim tersebut dan syarat-syarat dan perjanjian yang terkandung kemudian daripadanya.
3. Pembeli dengan ini bersetuju:
 - (i) Mematuhi syarat dan peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992;

- (ii) Wang pembiayaan yang diluluskan tidak akan digunakan selain daripada maksud ianya diluluskan. Jika digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatal dan dengan itu wang pembiayaan hendaklah dibayar sekali gus. Pembeli dengan ini juga memberi kebenaran kepada Ketua Jabatan untuk menahan bayaran gaji dan elaunnya sehingga kesemua jumlah pembiayaan itu dijelaskan;
 - (iii) Menjelaskan semua baki harga jualan sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan;
 - (iv) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan pembeli walau dengan apa sebabpun, pembeli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan.
 - (v) Jika pembeli menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pembiayaan dijelaskan, pembeli hendaklah membayar sekaligus semua baki harga jualan.
 - (vi) Jika pembeli meninggal dunia baki harga jualan akan diselesaikan oleh si waris secara sekaligus atau dituntut daripada penjamin.
3. Kerajaan berhak menarik balik pembiayaan komputer pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik harga jualan dengan sekaligus.
 4. Kerajaan, yang bukan pembuat, pengedar atau tuan punya asal komputer tersebut, tidak memberi apa-apa waranti dan tidak juga membuat sebarang representasi berkaitan dengan keadaan komputer tersebut atau tentang merchantability atau kesesuaian atau fitness bagi maksud tertentu atau bagi apa-apa maksud komputer tersebut dikehendaki sama ada warranties tersebut dan representasi dengan nyata atau tersirat dan sama ada berbangkit di bawah perjanjian ini atau sebaliknya dan pembeli dengan ini bersetuju tidak membuat apa-apa tuntutan pun terhadap Kerajaan berkenaan hal itu.

Dengan syarat:

Bahawa fasal ini hendaklah tidak menyentuh hak pembeli bagi membuat tuntutan berkaitan dengan warranties atau representasi terhadap pembuat, pengedar atau tuan punya kenderaan tersebut.

5. Tiada keelenturan, kesabaran, atau kelewatan oleh Kerajaan dalam menguatkuasakan apa-apa syarat perjanjian ini tidak juga pemberian masa oleh Kerajaan kepada pembeli menjadi prejudis menyentuh atau menghadkan hak dan kuasa Kerajaan di dalam perkara ini; dan tiada juga pelepasan (waiver) sebarang pelanggaran (breach) bersifat sebagai pelepasan bagi pelanggaran (breach) berikutnya.
6. Perjanjian ini hendaklah mengikat penjamin, wakil-wakil diri, pengganti, executor dan administrator (wasi dan pentadbir) bagi pembeli dan penerima serah hak dan pengganti Kerajaan.
7. Duti stem bagi perjanjian ini, semua duti, cukai atau fee, perbelanjaan dan harga yang berhubungan dengan urusan kewangan ini dan lain-lain

perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung dan dibayar oleh pembeli dan dalam keadaan di mana Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap pembeli dan/atau penjamin di bawah perjanjian ini semua kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan (termasuk fee peguam bagi pihak Kerajaan atas asas peguam dan pelanggan) dengan ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh pembeli dan/atau penjamin.

8. Masa hendaklah menjadi pati kepada kontrak berkaitan dengan semua peruntukan perjanjian ini dan terutama sekali kepada pembayaran harga jualan atau mana-mana bahagian darinya dan pembayaran semua wang yang pembeli hendaklah membayar kepada Kerajaan di bawah perjanjian ini.
9. Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah dipakai, dibaca dan diertikan sebagai bahagian yang mustahak dalam perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

KERAJAAN

dengan kehadiran

SAKSI

(Sebagai pihak Kerajaan sebagaimana yang tersebut di atas)

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh.....

Nama Penuh.....

No. Kad Pengenalan.....

No. Kad Pengenalan.....

Jawatan.....

Jawatan.....

DI TANDATANGANI OLEH:

PENERIMA BIAYA

dengan kehadiran

SAKSI

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh.....

Nama Penuh.....

No. Kad Pengenalan.....

No. Kad Pengenalan.....

Jawatan.....

Jawatan.....

DI TANDATANGANI OLEH:

PENJAMIN

dengan kehadiran

SAKSI

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

Nama Penuh.....

Nama Penuh.....

No. Kad Pengenalan.....

No. Kad Pengenalan.....

Jawatan.....

Jawatan.....

JADUAL PERTAMA

<i>Seksyen</i>	<i>Perkara</i>	<i>Butiran</i>
1.	Butiran penjual	Nama Syarikat: Alamat:
2.	Harga Belian Komputer	Jumlah harga belian ialah sebanyak \$..... (Ringgit Malaysia.....) iaitu terdiri daripada: (a) Amaun pembiayaan Kerajaan sebanyak \$..... (Ringgit Malaysia.....); (b) Bayaran muka sebanyak \$..... (Ringgit Malaysia.....) yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli.

JADUAL KEDUA

<i>Seksyen</i>	<i>Perkara</i>	<i>Butiran</i>
1.	Harga Jualan	<p>Harga jualan ialah: \$..... (Ringgit Malaysia..... ) ) iaitu terdiri seperti berikut:</p> <p>(a) Bayaran muka sebanyak \$..... (Ringgit Malaysia..... ) ) yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli; dan</p> <p>(b) Amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan \$..... (Ringgit Malaysia..... ) )</p>
2.	Amaun dan Tempoh Bayaran Balik Harga Jualan	<p>Harga jualan hendaklah dibayar balik secara potongan dari gaji tiap-tiap bulan sebanyak \$..... (Ringgit Malaysia..... ) ) bagi tempoh..... bulan.</p>

**SURAT KELULUSAN DAN TAWARAN
PEMBIAYAAN KOMPUTER**

Encik/Puan,

No. K/P:

Permohonan Mendapatkan Pembiayaan Pembelian Komputer

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan bagi tujuan membiayai keseluruhan/sebahagian daripada harga pembelian sebuah komputer adalah diluluskan seperti berikut:

(i) Harga Belian Oleh Kerajaan: \$ *

Kerajaan akan menyelesaikan harga belian ini seperti berikut:

(a) Amaun Pembiayaan Kerajaan: \$ #

(b) Bayaran Muka Oleh Tuan/Puan: \$ § (Jika harga komputer melebihi amaun pembiayaan Kerajaan)

(ii) Harga Jualan Kepada Anggota: \$ ¶

Kerajaan akan mendapatkan bayaran harga jualan ini seperti berikut:

(a) Bayaran Muka Oleh Tuan/Puan: \$ § (Jika harga komputer melebihi kelayakan Pegawai)

(b) Bayaran amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan sebanyak \$ ** dibuat melalui bayaran ansuran bulanan sebanyak \$ sebulan selama bulan.

(iii) Tempoh Bayaran Balik:

2. Tawaran ini adalah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Tuan/Puan adalah dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Pembiayaan Pembelian Komputer sebelum pengeluaran cek pembiayaan dapat dibuat. Cukai setem untuk Surat Perjanjian Pembiayaan mestilah dibayar oleh pihak tuan/puan;

* Kos komputer

Amaun yang dibiayai oleh Kerajaan berdasarkan kelayakan Anggota

§ Amaun ditanggung sendiri oleh penerima biaya kerana kos komputer melebihi amaun pembiayaan maksimum

¶ Amaun sebenar yang akan dibayar oleh penerima biaya

** Jumlah amaun pembiayaan Kerajaan yang telah dicampur dengan amaun keuntungan.

- (ii) Tuan/Puan akan dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam urusan pembelian komputer tersebut. Sehubungan dengan ini sungguhpun cek pembiayaan komputer akan dikeluarkan atas nama tuan/puan, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk menggunakan cek tersebut bagi tujuan pembelian komputer tersebut di atas bagi pihak Kerajaan.
- (iii) Kemudahan pembiayaan pembelian komputer ini tidak boleh digunakan untuk tujuan yang lain;
- (iv) Jika anggota ingin menukar konfigurasi komputer yang hendak dibeli, anggota hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang meluluskan pembiayaan. Salinan kelulusan tersebut hendaklah disertakan bersama baucar dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau Pejabat Pembayar yang berkenaan.
- (v) Komputer yang dibeli hendaklah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan;
- (vi) Tuan/Puan adalah dikehendaki menyerahkan kepada pegawai yang meluluskan pembiayaan salinan asal resit pembelian komputer dan salinan inbois. Sekiranya tuan/puan gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan itu dianggap sebagai terbatal dan dengan itu tuan/puan dikehendaki menjelaskan sepenuhnya amaun pembiayaan Kerajaan yang diluluskan secara sekaligus. Jika gagal, Ketua Jabatan boleh mengambil tindakan untuk menahan gaji dan elaun tuan/puan sehinggalah kesemua baki harga jualan itu dijelaskan.
- (vii) Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran berkenaan jika potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat;
- (viii) Tuan/Puan adalah juga tertakluk kepada lain-lain syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 dan juga lain-lain arahan dan ketetapan mengenai kemudahan pembiayaan komputer yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari masa ke semasa. Tindakan Tata tertib dan/atau surcaj boleh diambil terhadap tuan/puan sekiranya tuan/puan didapati gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan arahan tersebut.

3. Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan syarat-syarat tersebut di atas, sila kembalikan kepada Kementerian/Jabatan ini salinan surat tawaran yang telah ditandatangani dalam masa 6 bulan dari tarikh surat ini. Jika jawapan tidak diterima dalam tempoh tersebut, tawaran ini akan dianggap luput.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,

.....
()

s.k.

MEMORANDUM PENERIMAAN

Merujuk kepada surat tawaran tuan bil..... bertarikh..... dengan ini saya menerima tawaran tersebut dan bersetuju dengan syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang dikenakan dan mengembalikan salinan surat ini yang telah ditandatangani untuk tindakan tuan selanjutnya.

Ditandatangani Oleh

Nama

No.K/P.....

Saksi Nama

No. K/P

Jawatan.....

Alamat

LAMPIRAN "D"

JADUAL BAYARAN ANSURAN BULANAN SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Jumlah Pembiayaan	\$100			\$200			\$300			\$400			\$500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
Tempoh Bayaran Balik															
6 BULAN	101.16	1.16	16.86	202.32	2.32	33.72	303.48	3.48	50.58	404.70	4.70	67.45	505.86	5.86	84.31
12 BULAN	102.12	2.12	8.51	204.36	4.36	17.03	306.48	6.48	25.54	408.72	8.72	34.06	510.84	10.84	42.57
18 BULAN	103.14	3.14	5.73	206.46	6.46	11.47	309.60	9.60	17.20	412.74	12.74	22.93	516.06	16.06	28.67
24 BULAN	104.16	4.16	4.34	208.32	8.32	8.68	312.72	12.72	13.03	416.88	16.88	17.37	521.04	21.04	21.71
30 BULAN	105.30	5.30	3.51	210.60	10.60	7.02	315.60	15.60	10.52	420.90	20.90	14.03	526.20	26.20	17.54
36 BULAN	106.20	6.20	2.95	212.40	12.40	5.90	318.96	18.96	8.86	425.16	25.16	11.81	531.36	31.36	14.76
42 BULAN	107.52	7.52	2.56	214.62	14.62	5.11	322.14	22.14	7.67	429.24	29.24	10.22	536.76	36.76	12.78
48 BULAN	108.48	8.48	2.26	216.96	16.96	4.52	324.96	24.96	6.77	433.44	33.44	9.03	541.92	41.92	11.29

Jumlah Pembiayaan	\$600			\$700			\$800			\$900			\$1,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
Tempoh Bayaran Balik															
6 BULAN	607.02	7.02	101.17	708.18	8.18	118.03	809.34	9.34	134.89	910.50	10.50	151.75	1,011.72	11.72	168.62
12 BULAN	613.08	13.08	51.09	715.20	15.20	59.60	817.44	17.44	68.12	919.56	19.56	76.63	1,021.80	21.80	85.15
18 BULAN	619.20	19.20	34.40	722.34	22.34	40.13	825.66	25.66	45.87	928.80	28.80	51.60	1,031.94	31.94	57.33
24 BULAN	625.20	25.20	26.05	729.60	29.60	30.40	833.76	33.76	34.74	937.92	37.92	39.08	1,042.08	42.08	43.42
30 BULAN	631.50	31.50	21.05	736.80	36.80	24.56	842.10	42.10	28.07	947.10	47.10	31.57	1,052.40	52.40	35.08
36 BULAN	637.56	37.56	17.71	744.12	44.12	20.67	850.32	50.32	23.62	956.52	56.52	26.57	1,062.72	62.72	29.52
42 BULAN	643.86	43.86	15.33	751.38	51.38	17.89	858.48	58.48	20.44	966.00	66.00	23.00	1,073.10	73.10	25.55
48 BULAN	650.40	50.40	13.55	758.88	58.88	15.81	866.88	66.88	18.06	975.36	75.36	20.32	1,083.84	83.84	22.58

Jumlah Pembiayaan		\$1,100			\$1,200			\$1,300			\$1,400			\$1,500		
Tempoh Bayaran Balik	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	
6 BULAN	1,112.88	12.88	185.48	1,214.04	14.04	202.34	1,315.20	15.20	219.20	1,416.36	16.36	236.06	1,517.52	17.52	252.92	
12 BULAN	1,123.92	23.92	93.66	1,226.16	26.16	102.18	1,328.28	28.28	110.69	1,430.52	30.52	119.21	1,532.64	32.64	127.72	
18 BULAN	1,135.08	35.08	63.06	1,238.40	38.40	68.80	1,341.54	41.54	74.53	1,444.68	44.68	80.26	1,548.00	48.00	86.00	
24 BULAN	1,146.48	46.48	47.77	1,250.64	50.64	52.11	1,354.80	54.80	56.45	1,458.96	58.96	60.79	1,563.36	63.36	65.14	
30 BULAN	1,157.70	57.70	38.59	1,263.00	63.00	42.10	1,368.30	68.30	45.61	1,473.60	73.60	49.12	1,578.60	78.60	52.62	
36 BULAN	1,169.28	69.28	32.48	1,275.48	75.48	35.43	1,381.68	81.68	38.38	1,487.88	87.88	41.33	1,594.44	94.44	44.29	
42 BULAN	1,180.62	80.62	28.11	1,288.14	88.14	30.67	1,395.24	95.24	33.22	1,502.76	102.76	35.78	1,609.86	109.86	38.33	
48 BULAN	1,192.32	92.32	24.84	1,300.32	100.32	27.09	1,408.80	108.80	29.35	1,517.28	117.28	31.61	1,625.76	125.76	33.87	

Jumlah Pembiayaan		\$1,600			\$1,700			\$1,800			\$1,900			\$2,000		
Tempoh Bayaran Balik	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jual	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	
6 BULAN	1,618.74	18.74	269.79	1,719.90	19.90	286.65	1,821.06	21.06	303.51	1,922.22	22.22	320.37	2,023.38	23.38	337.23	
12 BULAN	1,634.88	34.88	136.24	1,737.00	37.00	144.75	1,839.24	39.24	153.27	1,941.36	41.36	161.78	2,043.60	43.60	170.30	
18 BULAN	1,651.14	51.14	91.73	1,754.28	54.28	97.46	1,857.60	57.60	103.20	1,960.74	60.74	108.93	2,063.88	63.88	114.66	
24 BULAN	1,667.52	67.52	69.48	1,771.68	71.68	73.82	1,875.84	75.84	78.16	1,980.24	80.24	82.51	2,084.40	84.40	86.85	
30 BULAN	1,683.90	83.90	56.13	1,789.20	89.20	59.64	1,894.50	94.50	63.15	1,999.80	99.80	66.66	2,105.10	105.10	70.17	
36 BULAN	1,700.64	100.64	47.24	1,806.84	106.84	50.19	1,913.04	113.04	53.14	2,019.60	119.60	56.10	2,125.80	125.80	59.05	
42 BULAN	1,717.38	117.38	40.89	1,824.48	124.48	43.44	1,932.00	132.00	46.00	2,039.10	139.10	48.55	2,146.62	146.62	51.11	
48 BULAN	1,734.24	134.24	36.13	1,842.24	142.24	38.38	1,950.72	150.72	40.64	2,059.20	159.20	42.90	2,167.68	167.68	45.16	

Jumlah Pembayaran	\$2,100			\$2,200			\$2,300			\$2,400			\$2,500			
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
		6 BULAN	2,124.54	24.54	354.09	2,225.76	25.76	370.96	2,326.92	26.92	387.82	2,428.08	28.08	404.68	2,529.24	29.24
12 BULAN	2,145.72	45.72	178.81	2,247.96	47.96	187.33	2,350.08	50.08	195.84	2,452.32	52.32	204.36	2,554.44	54.44	212.87	
18 BULAN	2,167.20	67.20	120.40	2,270.34	70.34	126.13	2,373.48	73.48	131.86	2,476.80	76.80	137.60	2,579.94	79.94	143.33	
24 BULAN	2,188.56	88.56	91.19	2,292.72	92.72	95.53	2,397.12	97.12	99.88	2,501.28	101.28	104.22	2,605.44	105.44	108.56	
30 BULAN	2,210.10	110.10	73.67	2,315.40	115.40	77.18	2,420.70	120.70	80.69	2,526.00	126.00	84.20	2,631.30	131.30	87.71	
36 BULAN	2,232.00	132.00	62.00	2,338.20	138.20	64.95	2,444.76	144.76	67.91	2,550.96	150.96	70.86	2,657.16	157.16	73.81	
42 BULAN	2,253.72	153.72	53.66	2,361.24	161.24	56.22	2,468.76	168.76	58.78	2,575.86	175.86	61.33	2,683.38	183.38	63.89	
48 BULAN	2,276.16	176.16	47.42	2,384.16	184.16	49.67	2,492.64	192.64	51.93	2,601.12	201.12	54.19	2,709.60	209.60	56.45	

Jumlah Pembayaran	\$2,600			\$2,700			\$2,800			\$2,900			\$3,000			
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
		6 BULAN	2,630.40	30.40	438.40	2,731.56	31.56	455.26	2,832.78	32.78	472.13	2,933.94	33.94	488.99	3,035.10	35.10
12 BULAN	2,656.68	56.68	221.39	2,758.80	58.80	229.90	2,861.04	61.04	238.42	2,963.16	63.16	246.93	3,065.40	65.40	255.45	
18 BULAN	2,683.08	83.08	149.06	2,786.22	86.22	154.79	2,889.54	89.54	160.53	2,992.68	92.68	166.26	3,095.82	95.82	171.99	
24 BULAN	2,709.60	109.60	112.90	2,814.00	114.00	117.25	2,918.16	118.16	121.59	3,022.32	122.32	125.93	3,126.48	126.48	130.27	
30 BULAN	2,736.60	136.60	91.22	2,841.60	141.60	94.72	2,946.90	146.90	98.23	3,052.20	152.20	101.74	3,157.50	157.50	105.25	
36 BULAN	2,763.36	163.36	76.76	2,869.56	169.56	79.71	2,976.12	176.12	82.67	3,082.32	182.32	85.62	3,188.52	188.52	88.57	
42 BULAN	2,790.48	190.48	66.44	2,898.00	198.00	69.00	3,005.10	205.10	71.55	3,112.62	212.62	74.11	3,219.72	219.72	76.66	
48 BULAN	2,818.08	218.08	58.71	2,926.08	226.08	60.96	3,034.56	234.56	63.22	3,143.04	243.04	65.48	3,251.52	251.52	67.74	

Jumlah Pembiayaan		\$3,100			\$3,200			\$3,300			\$3,400			\$3,500		
Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	
6 BULAN	3,136.26	36.26	522.71	3,237.42	37.42	539.57	3,338.58	38.58	556.43	3,439.80	39.80	573.30	3,540.96	40.96	590.16	
12 BULAN	3,167.52	67.52	263.96	3,269.76	69.76	272.48	3,371.88	71.88	280.99	3,474.12	74.12	289.51	3,576.24	76.24	298.02	
18 BULAN	3,199.14	99.14	177.73	3,302.28	102.28	183.46	3,405.42	105.42	189.19	3,508.74	108.74	194.93	3,611.88	111.88	200.66	
24 BULAN	3,230.88	130.88	134.62	3,335.04	135.04	138.96	3,439.20	139.20	143.30	3,543.36	143.36	147.64	3,647.76	147.76	151.99	
30 BULAN	3,262.80	162.80	108.76	3,368.10	168.10	112.27	3,473.10	173.10	115.77	3,578.40	178.40	119.28	3,683.70	183.70	122.79	
36 BULAN	3,294.72	194.72	91.52	3,401.28	201.28	94.48	3,507.48	207.48	97.43	3,613.68	213.68	100.38	3,719.88	219.88	103.33	
42 BULAN	3,327.24	227.24	79.22	3,434.34	234.34	81.77	3,541.86	241.86	84.33	3,649.38	249.38	86.89	3,756.48	256.48	89.44	
48 BULAN	3,360.00	260.00	70.00	3,468.00	268.00	72.25	3,576.48	276.48	74.51	3,684.96	284.96	76.77	3,793.44	293.44	79.03	

Jumlah Pembiayaan		\$3,600			\$3,700			\$3,800			\$3,900			\$4,000		
Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	
6 BULAN	3,642.12	42.12	607.02	3,743.28	43.28	623.88	3,844.44	44.44	640.74	3,945.60	45.60	657.60	4,046.82	46.82	674.47	
12 BULAN	3,678.48	78.48	306.54	3,780.60	80.60	315.05	3,882.84	82.84	323.57	3,984.96	84.96	332.08	4,087.20	87.20	340.60	
18 BULAN	3,715.02	115.02	206.39	3,818.34	118.34	212.13	3,921.48	121.48	217.86	4,024.62	124.62	223.59	4,127.94	127.94	229.33	
24 BULAN	3,751.92	151.92	156.33	3,856.08	156.08	160.67	3,960.24	160.24	165.01	4,064.64	164.64	169.36	4,168.80	168.80	173.70	
30 BULAN	3,789.00	189.00	126.30	3,894.30	194.30	129.81	3,999.60	199.60	133.32	4,104.60	204.60	136.82	4,209.90	209.90	140.33	
36 BULAN	3,826.44	226.44	106.29	3,932.64	232.64	109.24	4,038.84	238.84	112.19	4,145.04	245.04	115.14	4,251.60	251.60	118.10	
42 BULAN	3,864.00	264.00	92.00	3,971.10	271.10	94.55	4,078.62	278.62	97.11	4,185.72	285.72	99.66	4,293.24	293.24	102.22	
48 BULAN	3,901.44	301.44	81.28	4,009.92	309.92	83.54	4,118.40	318.40	85.80	4,226.88	326.88	88.06	4,335.36	335.36	90.32	

Jumlah Pembiayaan	\$4,100			\$4,200			\$4,300			\$4,400			\$4,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan
Tempoh Bayaran Balik															
6 BULAN	4,147.98	47.98	691.33	4,249.14	49.14	708.19	4,350.30	50.30	725.05	4,451.46	51.46	741.91	4,552.62	52.62	758.77
12 BULAN	4,189.32	89.32	349.11	4,291.56	91.56	357.63	4,393.68	93.68	366.14	4,495.92	95.92	374.66	4,598.04	98.04	383.17
18 BULAN	4,231.08	131.08	235.06	4,334.22	134.22	240.79	4,437.54	137.54	246.53	4,540.68	140.68	252.26	4,643.82	143.82	257.99
24 BULAN	4,272.96	172.96	178.04	4,377.12	177.12	182.38	4,481.52	181.52	186.73	4,585.68	185.68	191.07	4,689.84	189.84	195.41
30 BULAN	4,315.20	215.20	143.84	4,420.50	220.50	147.35	4,525.80	225.80	150.86	4,631.10	231.10	154.37	4,736.10	236.10	157.87
36 BULAN	4,357.80	257.80	121.05	4,464.00	264.00	124.00	4,570.20	270.20	126.95	4,676.76	276.76	129.91	4,782.96	282.96	132.86
42 BULAN	4,400.34	300.34	104.77	4,507.86	307.86	107.33	4,615.38	315.38	109.89	4,722.48	322.48	112.44	4,830.00	330.00	115.00
48 BULAN	4,443.36	343.36	92.57	4,551.84	351.84	94.83	4,660.32	360.32	97.09	4,768.80	368.80	99.35	4,877.28	377.28	101.61

Jumlah Pembiayaan	\$4,600			\$4,700			\$4,800			\$4,900			\$5,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Asuransi Bulanan
Tempoh Bayaran Balik															
6 BULAN	4,653.84	53.84	775.64	4,755.00	55.00	792.50	4,856.16	56.16	809.36	4,957.32	57.32	826.22	5,058.48	58.48	843.08
12 BULAN	4,700.28	100.28	391.69	4,802.40	102.40	400.20	4,904.64	104.64	408.72	5,006.76	106.76	417.23	5,109.00	109.00	425.75
18 BULAN	4,746.96	146.96	263.72	4,850.28	150.28	269.46	4,953.42	153.42	275.19	5,056.56	156.56	280.92	5,159.88	159.88	286.66
24 BULAN	4,794.00	194.00	199.75	4,898.40	198.40	204.10	5,002.56	202.56	208.44	5,106.72	206.72	212.78	5,210.88	210.88	217.12
30 BULAN	4,841.40	241.40	161.38	4,946.70	246.70	164.89	5,052.00	252.00	168.40	5,157.30	257.30	171.91	5,262.60	262.60	175.42
36 BULAN	4,889.16	289.16	135.81	4,995.36	295.36	138.76	5,101.92	301.92	141.72	5,208.12	308.12	144.67	5,314.32	314.32	147.62
42 BULAN	4,937.10	337.10	117.55	5,044.62	344.62	120.11	5,151.72	351.72	122.66	5,259.24	359.24	125.22	5,366.34	366.34	127.77
48 BULAN	4,985.28	385.28	103.86	5,093.76	393.76	106.12	5,202.24	402.24	108.38	5,310.72	410.72	110.64	5,419.20	419.20	112.90

SURAT PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL KERAJAAN

Encik/Puan.....

.....

No. K/P.....

Permohonan Mendapatkan Pembiayaan Komputer

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan membiayai pembelian sebuah komputer. Tuan/puan telah juga bersetuju menerima tawaran Kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan/tawaran Kementerian/Jabatan ini bil..... bertarih.....

2. Tuan/puan adalah dengan ini dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam urusan pembelian komputer yang dimaksudkan itu menggunakan cek yang diluluskan atas nama tuan/puan bagi tujuan pembelian tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan cek Bank Negara Malaysia bernombor..... bertarih..... dan bernilai \$..... (Ringgit.....) atas nama tuan/puan untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

4. Sebagai penerima pembiayaan komputer ini, tuan/puan adalah dikehendaki membayar balik amaun pembiayaan oleh Kerajaan berserta amaun keuntungan secara bayaran ansuran bulanan sebanyak \$..... sebulan selama..... bulan melalui potongan gaji mulai daripada..... bulan..... 19..... Sekiranya potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat, tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan berkenaan dengan serta merta.

5. Tuan/Puan adalah diingatkan sekali lagi bahawa kegagalan mematuhi syarat dan peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 serta lain-lain arahan dan ketetapan Perbendaharaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa boleh mengakibatkan kemudahan pembiayaan pembelian komputer ini dibatalkan serta merta. Dalam hal demikian jumlah wang pembiayaan yang telah diluluskan itu hendaklah dikembalikan dengan sekaligus. Jika tidak tindakan tatatertib dan/atau tindakan surcaj boleh diambil terhadap tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

.....
()

s.k.